

Hentikan perbalahan, sebar fitnah demi kesejahteraan negara, kata PM
Malaysian Insider
Dec 4, 2015

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mahu rakyat negara ini menghentikan perbalahan dan menyebarkan serta mempercayai fitnah dalam usaha menjamin kesejahteraan di Malaysia.

"Janganlah kita melayani perkara yang boleh mengalih perhatian kita daripada berusaha ke arah mengisi visi (mencapai status negara maju menjelang 2020) tersebut," katanya dalam mesej terbarunya menerusi blog www.najibrazak.com hari ini.

Beliau berkata rakyat perlu menghentikan daripada melakukan kerja yang tidak bermanfaat ini.

"Setelah negara kita merdeka, perjuangan kita adalah untuk membangunkan negara, memodenkan negara kita dan seterusnya untuk mencapai status negara maju menjelang 2020," katanya.

Katanya, destinasi ini menjanjikan kehidupan yang lebih baik bagi semua.

"Setiap hari saya, sebagai perdana menteri, memberi tumpuan sepenuh tenaga dan usaha saya untuk membawa Malaysia ke arah matlamat ini.

"Dalam hidup kita, kita perlu ada perjuangan. Perjuangan untuk berkhidmat kepada keluarga, agama, bangsa dan negara. Apabila berhasilnya perjuangan, barulah kehidupan kita bermakna," katanya.

Beliau berkata sebelum 1957, perjuangan adalah untuk mencapai kemerdekaan.

"Parti Perikatan yang diterajui Umno bersama rakan kaum lain menumpu tenaga dan mempunyai ikatan solidariti untuk memperjuangkan kemerdekaan," katanya. – Bernama, 4 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/hentikan-perbalahan-sebar-fitnah-demi-kesejahteraan-negara-kata-pm>